



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 13 /2006
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pengurniaan Kenaikan Mata Gaji Khas (Accelerated Increment)

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa:-

1. Semua kakitangan di dalam perkhidmatan awam, anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, samada dalam perkhidmatan tetap, bulan kesebulan, berkontrak, open vote ataupun bergaji hari yang sedang di dalam perkhidmatan Kerajaan pada **15hb Julai 2006**, didalam Bahagian II dan kebawah, adalah diberikan **kenaikan matagaji khas (accelerated increment) khusus pada tahun ini sahaja**, menurut kadar yang ditetapkan mengikut Bahagian masing-masing. Kenaikan matagaji tahunan akan terus diberikan dengan kadar biasa yang telah ditetapkan sepertimana lazimnya mengikut tarikh kenaikan matagaji masing-masing dan akan berakhir pada penghujung tanggagaji pada jawatan masing-masing.
2. Walau bagaimanapun bagi kakitangan bergaji hari yang menerima gaji menurut Surat Keliling bilangan 6/1999, akan menerima kadar gaji yang baru menurut Surat Keliling yang akan menggantikan Surat Keliling berkenaan.
3. Kenaikan matagaji khas ini tidak diberikan kepada kakitanganambilan tempatan di Kedutaan-Kedutaan ataupun Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di luar negara.

Pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam bergaji bulan

4. Kadar kenaikan mata-mata gaji khas bagi pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam adalah ditetapkan seperti berikut:-

- | | | | |
|----|--------------|---|---------------------|
| a. | Bahagian II | : | 2 kenaikan matagaji |
| b. | Bahagian III | : | 3 kenaikan matagaji |
| c. | Bahagian IV | : | 6 kenaikan matagaji |
| d. | Bahagian V | : | 9 kenaikan matagaji |

5. Perkiraan matagaji khas tersebut adalah berdasarkan kepada gaji dan tanggagaji yang diterima pada 15hb Julai 2006:-

Contoh 1 : Jika seorang kakitangan Kerajaan dalam Bahagian V yang menerima gaji sebanyak \$620 sebulan dalam tanggagaji F1-2-3-4-5EB6, maka berikutan pemberian matagaji khas ini sebanyak 9 kenaikan, kadar gaji baru yang diterima adalah sebanyak



\$745 (iaitu kenaikan 9 mata-matagaji daripada F4 \$620 - \$630 - \$640 - \$650 F5 \$670 - \$685 - \$700 - F6 \$715 - \$730 - \$745 - \$760 - \$775 - \$790). Selepas ini, kenaikan tahunan akan diberikan mengikut kadar kenaikan yang lazimnya seperti yang ditetapkan didalam tanggagaji bagi jawatan masing-masing.

Contoh 2 : Jika seorang kakitangan kerajaan dalam Bahagian IV yang menerima gaji sebanyak \$610 dalam tanggagaji D1-2-3EB4-5, maka berikutan pemberian matagaji khas ini sebanyak 6 kenaikan, kadar gaji baru yang diterima adalah sebanyak \$760 (iaitu kenaikan 6 mata-matagaji daripada D1 \$610 - \$630 - D2 \$650 - \$675 - \$700 - \$730 - \$760 - \$790 - \$820). Selepas ini, kenaikan tahunan akan diberikan mengikut kadar kenaikan yang lazimnya seperti yang ditetapkan didalam tanggagaji bagi jawatan masing-masing.

6. Jika kenaikan matagaji khas yang ditetapkan seperti diperenggan 4 diatas itu melebihi tanggagaji terakhir yang diterima oleh pegawai atau kakitangan tersebut, maka kenaikan matagaji EB khas akan termasuk didalam perkiraan kenaikan matagaji tersebut.

Contoh 3 : Jika seorang kakitangan kerajaan dalam Bahagian V yang menerima gaji sebanyak \$670 dalam tanggagaji F1-2-3-4-5EB6, maka berikutan pemberian matagaji khas ini sebanyak 9 kenaikan, kadar gaji baru yang diterima adalah sebanyak \$805 (iaitu kenaikan 9 mata-matagaji daripada F5 \$670 - \$685 - \$700 - EB F6 \$715 - \$730 - \$745 - \$760 - \$775 - \$790 - EB Khas \$805 - \$820 - \$835).

Contoh 4 : Jika seorang kakitangan kerajaan dalam Bahagian IV yang menerima gaji sebanyak \$1,425 dalam tanggagaji D1-2-3EB4-5, maka berikutan pemberian matagaji khas ini sebanyak 6 kenaikan, kadar gaji baru yang diterima adalah sebanyak \$1,665 (iaitu kenaikan 6 matagaji daripada D4 \$1,425 - \$1,465 - D5 \$1,505 - \$1,545 - \$1,585 - \$1,625 EB Khas \$1,665 - \$1,705 - \$1,745).

7. Jika kadar kenaikan matagaji khas yang ditetapkan, setelah perkiraan EB khas dimasukkan, masih lagi melebihi jumlah gaji terakhir yang diterima oleh pegawai atau kakitangan tersebut, maka kenaikan matagaji terakhir akan diperkirakan sehingga mencapai kepada jumlah kenaikan matagaji yang diperlukan, yang mana jumlah bagi setiap Bahagian tidak akan melebihi jumlah berikut:

- | | | | |
|----|--------------|---|---------------|
| a. | Bahagian II | : | \$240 sebulan |
| b. | Bahagian III | : | \$210 sebulan |
| c. | Bahagian IV | : | \$240 sebulan |
| d. | Bahagian V | : | \$180 sebulan |

Kadar gaji baru yang diterima berdasarkan perkiraan di atas, adalah dikira sebagai gaji khas kepada batang tubuh pegawai dan kakitangan berkenaan (personal to holder).

Contoh 5 : Jika seorang kakitangan Kerajaan dalam Bahagian V yang menerima gaji



sebanyak \$760 dalam tanggagaji F1-2-3-4-5 EB6, maka berikutan pemberian kenaikan matagaji khas ini sebanyak 9 kenaikan, perkiraan kadar gaji baru yang akan diterima adalah termasuk EB khas yang diperlukan sebagai tambahan kepada matagaji yang diperlukan bagi memenuhi 9 kenaikan. Kadar gaji baru yang diterima adalah sebanyak \$895 (iaitu kenaikan 9 matagaji daripada F6 \$745 - \$760 - \$775 - \$790 - EB Khas \$805 - \$820 - \$835 - \$850 - \$865 dan untuk menambah 2 lagi kenaikan matagaji diberikan dua kenaikan berdasarkan kenaikan terakhir sebanyak \$15 iaitu \$880 dan \$895).

Contoh 6 : Jika seorang kakitangan Kerajaan dalam Bahagian IV yang menerima gaji sebanyak \$1,625 dalam tanggagaji D1-2-3EB4-5, maka berikutan pemberian kenaikan matagaji khas ini sebanyak 6 kenaikan, perkiraan kadar gaji baru yang akan diterima adalah termasuk EB khas yang diperlukan sebagai tambahan kepada matagaji yang diperlukan bagi memenuhi 6 kenaikan. Kadar gaji baru yang diterima adalah sebanyak \$1,865 (iaitu kenaikan 6 matagaji daripada D5 \$1,625 - EB Khas \$1,665 - \$1,705 - \$1,745 - \$1,785 - \$1,825 dan untuk menambah 1 lagi kenaikan matagaji diberikan satu kenaikan berdasarkan kenaikan terakhir sebanyak \$40 iaitu \$1,865).

8. Kenaikan matagaji khas ini akan diberikan dan dikira berdasarkan kepada gaji pokok yang diterima pada 15 Julai 2006. Pemberian kenaikan matagaji khas ini tidak akan menjejaskan tarikh kenaikan matagaji tahunan bagi pegawai dan kakitangan berkenaan yang akan terus diberikan berdasarkan kepada tarikh kenaikan pangkat ataupun tarikh lantikan pegawai dan kakitangan berkenaan sepertimana lazimnya.

Contoh 7 : Jika seorang pegawai dalam Bahagian II mempunyai tarikh kenaikan pada 1hb Ogos 2006, dan beliau sedang menerima gaji sebanyak \$2,630, gaji yang akan beliau terima pada 15hb Julai 2006 adalah sebanyak dua kenaikan matagaji bagi menjadikan kadar gaji baru beliau \$2,810.00. Walaubagaimanapun pegawai berkenaan juga akan menerima kenaikan satu matagaji tahunan pada 1 Ogos 2006 menjadikan gaji pokok yang diterima pada bulan Ogos 2006 sebanyak \$2,905.

9. Jika seklarnya, seseorang pegawai atau kakitangan tersebut menerima gaji khas kepada batang tubuh, maka pegawai atau kakitangan tersebut tidak akan menerima sebarang kenaikan matagaji lagi sehingga beliau dinaikan pangkat atau diubah kepada tanggagaji yang baru selepas itu.

10. Bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang diambil berkhidmat selepas 15 Julai 2006, tidak ada sebarang perubahan kepada gaji pokok permulaan yang dibayar yang masih dikekalkan mengikut tanggagaji yang ditetapkan berdasarkan kelulusan dan kelayakan bagi jawatan berkenaan.

Bagi pegawai dan kakitangan dalam Pasukan Polis Diraja Brunei

11. Pemberian kenaikan matagaji bagi pegawai dan kakitangan perkhidmatan Pasukan Polis Diraja Brunei akan diberikan seperti berikut:-



- a. Bahagian II : 2 kenaikan matagaji
- b. Bahagian III : 3 kenaikan matagaji
- c. Bahagian IV : 6 kenaikan matagaji
- d. Bahagian V : 9 kenaikan matagaji

12. Bagi jawatan-jawatan yang tidak mempunyai kenaikan matagaji seperti Pegawai Kadet dalam tanggagaji PD9 dan Rekrut pada tanggagaji PD1, kenaikan adalah diberikan berdasarkan kepada bahagian dan kenaikan tahunan jawatan di atasnya iaitu bagi PD9 (\$35 x 3 = \$105) dan PD1 (\$10 x 9 = \$90).

13. Syarat-syarat lain adalah sama seperti pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

Bagi pegawai dan kakitangan dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

14. Kenaikan matagaji bagi pegawai dan kakitangan perkhidmatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan diberikan seperti berikut:-

- a. Bahagian II (2LT, LT, Kapten, Major) : 2 kenaikan matagaji
- b. Bahagian III (SSJN, PW2, RQMS, PW1) : 3 kenaikan matagaji
- c. Bahagian IV (SJN) : 6 kenaikan matagaji
- d. Bahagian V (PTE, LKPL, KPL) : 9 kenaikan matagaji

15. Syarat-syarat lain adalah sama seperti pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

Bagi pegawai dan kakitangan bergaji hari

16. Bagi pegawai dan kakitangan bergaji hari yang menerima gaji melalui jawatan-jawatan yang disediakan di bawah Gaji Kakitangan di dalam Anggaran Perbelanjaan (**established post**) dimana mereka menerima gaji berdasarkan kepada gaji permulaan sebenar jawatan tersebut, maka kenaikan matagaji adalah sama seperti yang diberikan di atas menjadikan gaji yang dibayar adalah berdasarkan kepada kenaikan-kenaikan tersebut.

Contoh 8 : Bagi pegawai yang mengisi jawatan dalam Bahagian II secara bergaji hari dengan gaji sejumlah \$103 sehari, berikutan kenaikan matagaji di atas, kadar gaji hari yang baru mulai 15 Julai 2006 ialah sebanyak \$111 sehari (\$2,450/22 hari).

17. Jika sekiranya pegawai dan kakitangan tersebut diambil berkhidmat secara penuh masa dalam jawatan tetap ataupun bulan kesebulan, maka gaji permulaan adalah terpulang kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk menentukannya dan gaji yang diterima semasa bergaji hari adalah khusus selama mana pegawai atau kakitangan tersebut berada di dalam jawatan berkenaan. ξ



18. Bagi pegawai dan kakitangan bergaji hari yang menerima gaji bukan melalui jawatan yang ada dan mereka menerima gaji berdasarkan kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 6/1999, maka gaji baru yang akan diterima adalah berdasarkan kepada Surat Keliling tersebut ataupun mana-mana Surat Keliling yang dikeluarkan bagi mengganti Surat Keliling berkenaan.

Penerangan dan Syarat-Syarat Lain

20. Perkiraan gaji yang baru dengan kenaikan matagaji khas akan diperkira bermula pada tarikh 15hb Julai 2006. Walau bagaimanapun kenaikan bagi gaji-gaji tersebut akan dimasukkan didalam pembayaran gaji bagi bulan Ogos 2006 ini.

21. Sebarang pertanyaan mengenai dengan perkara ini hendaklah dirujuk kepada Yang Mulia Jurukira Agung, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Dengan hormat,

(PG DATO PADUKA HJ ABD HAMID BIN PG HJ MOHD YASSIN)

Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri

Rujukan : (13) JPM/SK/2006
Tarikh : 21 Jamadilakhir 1427
17 Julai 2006